



Azizah bersama sebahagian daripada 54 kucing jalanan yang berjaya diselamatkan di kediamannya di Sentul, manakala (gambar kanan) Azizah memberi makan kepada kucing jalanan. (FOTO ABDULLAH YUSOF/BH)



Teguran pak cik Cina sedarkan Kak Sue

» *Gigih selamat, rawat kucing jalanan teraniaya sejak 5 tahun lalu*

Oleh Sophia Ahmad
sophia@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Merah hanya mampu berpusing dalam sangkarnya setiap hari, sehinggalah letih dan tertidur.

Kucing jantan berusia hampir dua tahun itu cacat dengan bahagian kanan tubuhnya pula melecur teruk, angkara disimbah air atau minyak panas oleh manusia

yang tiada perikemanusiaan.

Kisah Merah adalah sebahagian kecil penderitaan haiwan yang menyayat hati diselamatkan Azizah Ibrahim, 48, yang gigih menyelamatkan dan merawat kucing jalanan teraniaya sejak lima tahun lalu.

Ketika ditemui di kediamannya, Azizah yang lebih dikenali sebagai Kak Sue, tidak pernah termimpi terbahit secara serius dalam kegiatan itu.

"Saya sebenarnya 'disedarkan' seorang pak cik Cina yang sering memberi makanan kepada kucing jalanan di kawasan rumah. Bila ditegur, dia berkata, kucing adalah haiwan kesayangan Nabi Muhammad SAW, tetapi mengapa masih ramai pengikutnya yang sanggup mendera kucing," katanya.

Temuduga keluarga angkat

Kata-kata lelaki itu, katanya, bagaikan satu tamparan dan bermula detik terbabit, beliau dan suami mula menyelamatkan setiap kucing teraniaya yang ditemui.

"Ketika ini, kekangan yang dihadapi adalah kawasan, saya tidak mempunyai premis khusus untuk menyelamatkan dan merawat kucing ini dalam jumlah yang lebih besar kerana semua dilakukan di dalam rumah sendiri," katanya.

Azizah memberitahu, setiap kucing teraniaya yang ditemui akan dirawat sehingga sihat, sebelum diserahkan kepada keluarga yang berminat.

Individu yang berminat, katanya, akan ditapis menerusi temuduga terlebih dahulu bagi me-

mastikan tidak berlaku sebarang penganiayaan kepada haiwan terbabit.

"Saya hanya akan serahkan kucing yang benar-benar sihat dan sempurna sahaja.

"Kucing yang berpenyakit dan cacat biarlah saya dan keluarga yang menjaganya hingga sembuh," katanya.

Beliau menjalankan aktiviti menawarkan kucing yang diselamatkan kepada keluarga angkat menerusi laman sosial Facebook dan program anjuran kelab kucing dan ketika ini, rumahnya masih menempatkan 54 ekor kucing yang diselamatkan dari pelbagai lokasi.

Tidak harap ganjaran

"Saya melakukan pelbagai pekerjaan bagi memastikan mempu-

nyai cukup peruntukan untuk menjayakan misi ini. Saya tak minta dihargai atau ganjaran lumayan, cukup sekadar orang ramai sedar serta bersama-sama membela nasib haiwan ini.

"Tak mengapalah jika anda tidak sukakan kucing, tetapi tak perlulah haiwan yang tidak berdosa ini diseksa atau didera," katanya.

Orang ramai yang mahu melihat dan mendapatkan kucing yang diselamatkan Azizah boleh melayari akaun facebook kendaliannya, Sue Ulik Mayang.



Ikuti BH Plus

di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video